

# VISI

## Cawangan Senggara Fasiliti Jalan

"Menjadi pusat kecemerlangan senggara fasiliti jalan berteraskan kreativiti dan inovasi modal insan serta teknologi terkini"


**CAWANGAN SENGGARA FASILITI JALAN**
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Blok D, Tingkat 2, Kompleks Kerja Raya, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur
Tel : 03-2696 7725 Fax : 03-2694 7550
http://www.jkr.gov.my





# BULETIN Senggara Fasiliti Jalan


JUN 2008 Suku Tahunan Bil. 2 JKR 20412-0005-08


## Papan Tanda Jalan: Arah mana harus dituju?

- Penyerahan projek jalan & jambatan siap
- Crack sealing
- Rawatan kos rendah di kawasan 'blackspot'
- Undulation on road surfacing
- JKR Road Surface Profiler


Cawangan Senggara Fasiliti Jalan, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Kuala Lumpur.




## Sidang Redaksi

**Penasihat**
Ir. Dr. Safry Kamal Hj. Ahmad
**Pengarang**
Ir. Mohd Hizam Harun
**Penolong Pengarang**
Fazleen Hanim Ahmad Kamar
Hanani Mohd Radzi

BULETIN SENGGARA FASILITI JALAN ialah penerbitan suku tahunan Cawangan Senggara Fasiliti Jalan, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Kuala Lumpur. Ia diedarkan secara percuma kepada semua pejabat JKR serta agensi-agensi kerajaan dan swasta yang berkaitan. Hak Cipta Terpelihara. Petikan dari Buletin ini boleh diterbitkan semula, kecuali bagi tujuan komersial, dengan syarat punca petikan dinyatakan. Sidang Redaksi mengalu-alukan sebarang bentuk ulasan dan cadangan bagi memberi penambahbaikan ke atas kualiti penerbitan ini.

## Kata-Kata Aluan



Pertama sekali ingin saya memanjatkan rasa syukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya, sekali lagi Cawangan Senggara Fasiliti Jalan dapat menerbitkan satu lagi buletin. Tema Buletin Senggara Fasiliti Jalan pada kali ini adalah 'Papan Tanda Jalan'. Sebagaimana yang telah umum sedia maklum, isu berkaitan dengan papan tanda jalan di Malaysia telah menjadi salah satu isu yang agak berat dan sering diperkatakan kebelakangan ini. Ini berikutan dari aduan-aduan yang sering diterima daripada pelbagai pihak termasuk pembesar negara.

Sistem papan tanda jalan adalah merupakan salah satu komponen penting dalam pengurusan rangkaian jalanraya dan jika tidak dibendung akan menimbulkan kesan yang negatif ke atas pengurusan aset jalan. Sistem papan tanda jalan yang baik mampu memberi keselesaan dan kemudahan kepada pengguna jalanraya untuk sampai ke destinasi masing-masing dengan cepat dan selamat.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa masalah berhubung dengan sistem papan tanda jalan yang melibatkan perkara-perkara seperti perletakan yang tidak tepat, tidak mematuhi piawaian, tidak konsisten dalam pemakaian piawaian, piawaian sedia ada tidak lagi relevan, papan tanda jalan yang tidak mencukupi dari segi bilangan set yang perlu dipasang dan sebagainya.

Oleh yang demikian, Cawangan Senggara Fasiliti Jalan telah dan sedang melaksanakan pelbagai usaha untuk memastikan papan tanda jalan sentiasa berada dalam keadaan yang baik. Penyenggaraan papan tanda jalan sebagai salah satu 'road furniture' telah dijadikan sebagai kerja-kerja penyenggaraan rutin bagi pihak konsesi. Pada masa ini, aktiviti penukaran papan tanda yang rosak sedang giat dijalankan di beberapa buah negeri terutama di Selangor dan Pahang. Pengauditan papan tanda secara berkala akan dilaksanakan sebagai langkah susulan dalam memastikan papan tanda berada dalam kedaan baik.

Bagi tujuan ini juga, beberapa perkara bagi memastikan objektif program ini dapat dicapai telah dirancang termasuk pembentukan Skuad Audit Papan Tanda Jalan di peringkat negeri dan daerah serta memberi taklimat mengenai sistem papan tanda jalan di Malaysia. Melalui Skuad Audit ini, kelemahan papan tanda di semua Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri dapat dikenalpasti dan program induk bagi pelan tindakan mengganti dan menambahbaik papan tanda jalan di seluruh negara dapat disediakan.

Adalah diharapkan dengan usaha seperti ini, kualiti sistem papan tanda jalan di negara ini dapat dipertingkatkan serta memberi kepuasan kepada semua pengguna jalanraya.

Selamat membaca Buletin Senggara Fasiliti Jalan edisi Jun 2008 ini.

**Ir. Dr. SAFRY KAMAL Hj. AHMAD**
Pengarah
Cawangan Senggara Fasiliti Jalan
Ibu Pejabat JKR Malaysia

## Isi Kandungan

3 Sistem papan tanda jalan di Malaysia: Isu-isu & penambahbaikan
7 Penyerahan projek jalan
14 Penyerahan projek jambatan
21 How not to seal a crack
23 Audit pematuhan pengurusan trafik
25 Laporan keberkesanan program membasmi kawasan kemalangan 'blackspot' secara kos rendah di Jalan Persekutuan 2004-2007
27 JKR Road Surface Profiler
28 Undulation on road surfacing: What does JKR/SPJ say?
31 MARRIS on-line




# Sistem Papan Tanda Jalan Di Malaysia: Isu-isu & Penambahbaikan

oleh Unit Kejuruteraan Pemulihan Jalan

## Pengenalan

**Papan tanda merupakan salah satu perabot jalan dan komponen sistem jalan yang penting. Fungsi papan tanda jalan adalah untuk mengawal, memberi amaran dan panduan kepada pengguna jalan raya. Antara maklumat yang dipaparkan adalah nama tempat, destinasi, arah, jarak, nombor laluan, amaran bahaya, amaran persimpangan dan lain-lain. Pemasangan papan tanda jalan dibuat mengikut keperluan undang-undang, fakta dan kajian.**

Prinsip-prinsip asas pemasangan papan tanda jalan adalah :

- Mudah dilihat oleh pemandu pada kelajuan yang ditetapkan.
- Menarik perhatian pemandu.
- Mengandungi maklumat yang diperlukan oleh pemandu.
- Lokasi pemasangan tidak menyebabkan gangguan kepada pandangan dan keselamatan pemandu.
- Memberi masa yang mencukupi kepada pemandu untuk membuat keputusan berdasarkan maklumat yang dipapar kan.
- Konsisten iaitu paparan yang serupa membawa maksud yang sama kepada pengguna jalan raya.

Secara amnya, papan tanda jalan boleh dikategorikan seperti berikut:

i. Regulatory Signs (Prohibitive dan Mandatory)
ii. Papan Tanda Amaran (Warning Signs )
iii. Papan Tanda Sementara (Temporary Signs)
iv. Papan Tanda Panduan (Guide Signs)
   - Papan tanda destinasi, papan tanda tunjuk arah, papan tanda jarak, papan tanda maklumat, Tanda Laluan (Route Markers) dan Tiang Kilometer.

Jabatan Kerja Raya menyediakan beberapa garispanduan bagi rekabentuk dan pemakaian papan-papan tanda jalan. Antaranya adalah Arahan Teknik (Jalan) 2A/85 (Std. Traffic Signs), Arahan Teknik (Jalan) 2B/85 (Traffic Signs Applications), Arahan Teknik (Jalan) 2C/85 (Temporary Signs and Work Zones Control), Arahan Teknik 9/86 (Guidelines for the Installation of Kilometer Post) dan Arahan Teknik (Jalan) 2E/87 (Guide Signs Design and Application). Selain itu, rujukan mengenai pemasangan papan tanda jalan juga boleh dibuat kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dan Kaedah-kaedah Pengangkutan Jalan.

Di samping Arahan Teknik (AT) dan rujukan di atas, Lembaga Lebuh Raya Malaysia mempunyai garispanduan papan tandanya sendiri untuk digunakan dalam kawasan lebuhraya bertol.

### Isu-isu Papan Tanda Jalan

Cawangan Senggara Fasiliti Jalan (CSFJ) kerap menerima aduan dan maklum balas daripada pengguna jalan raya tentang kepincangan sistem papan tanda jalan sediada. Antara isu-isu papan tanda yang kerap diadu oleh pengguna jalan raya adalah seperti di Jadual 1.

| NO | ISU / MASALAH |
|---|---|
| 1 | Tidak mencukupi |
| 2 | Tidak diletak di lokasi yang betul/terlindung |
| 3 | Rosak/pudar/uzur/tidak disenggara |
| 4 | Mengelirukan |
| 5 | Terlindung oleh papan tanda lain/pokok dsb. |
| 6 | Kurang pantulan di waktu malam |
| 7 | Saiz font terlalu kecil dan sukar dibaca |
| 8 | Kecurian |
| 9 | Paparan nombor laluan/maklumat salah atau tidak lengkap |
| 10 | Diletak terlalu hampir dengan jalan/pavemen |
| 11 | Tiada/tidak cukup papan tanda amaran |
| 12 | Tiada/tidak cukup papan tanda sementara (kawasan projek) |
| 13 | Ada papan tanda iklan pada papan tanda Jabatan |
| 14 | Tiada kesinambungan paparan destinasi |
| 15 | Tiada keseragaman papan tanda antara pelbagai agensi |

**Jadual 1: Contoh aduan**

Di samping isu-isu tersebut, CSFJ juga telah menjalankan pemeriksaan ke atas papan tanda jalan sediada dan mendapati sebahagian papan tanda tidak mematuhi garispanduan Arahan Teknik, seperti contoh di Jadual 2.

| NO | ISU / MASALAH |
|---|---|
| 1 | Warna tidak piawai |
| 2 | Tiada nombor laluan |
| 3 | Saiz logo nombor laluan tidak piawai |
| 4 | Jenis font tidak piawai |
| 5 | Terlalu banyak destinasi dipaparkan |
| 6 | Saiz papan tanda tidak piawai |
| 7 | Saiz anak panah tidak piawai |
| 8 | Tiada papan tanda jarak selepas simpang |
| 9 | Simbol tidak tepat |
| 10 | Anak panah tak disusun secara anticlockwise |
| 11 | Tulisan rumi tidak diletakkan diatas lain-lain tulisan (jawi/bahasa inggeris) |
| 12 | Saiz tiang papan tanda tidak piawai |

**Jadual 2: Masalah ketidakpatuhan**

# Papan Tanda Jalan

Isu dan masalah berkaitan papan tanda jalan juga telah mendapat perhatian pengurusan tertinggi negara dan dalam Mesyuarat Khas Pemantauan Projek RMKe-9 Bil. 8 pada 17 Mei 2007, Ketua Setiausaha Negara telah meminta Jabatan Kerja Raya melaksana perkara-perkara berikut:

- Kaji semula perletakan papan tanda jalan bagi memudahkan penguna jalan raya; dan
- Mulakan perancangan bagi menggantikan sistem papan tanda jalan/lebuhraya di seluruh negara daripada penggunaan nama jalan dan jarak kepada penggunaan nama dan nombor jalan (route number).

**Faktor Penyumbang Kepada Masalah Papan Tanda Jalan**

Terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada isu dan masalah papan tanda jalan dan antaranya adalah;

- Kurangnya kefahaman di kalangan kakitangan JKR di peringkat ibu pejabat dan negeri tentang sistem papan tanda di Malaysia.
- Kurangnya penguatkuasaan semasa pemasangan papan tanda.
- Peranan yang kurang jelas antara pasukan projek dan jurutera daerah dalam pemasangan papan tanda bagi sesuatu projek.
- Rekabentuk papan tanda yang kurang relevan lagi.
- Mekanisma pengurusan maklumbalas yang kurang jelas.
- Tiada penyeragaman polisi berkaitan papan tanda antara agensi-agensi kerajaan.
- Kurangnya budaya penyenggaraan seperti menyediakan inventori papan tanda dan sebagainya.

Faktor-faktor penyumbang ini boleh berpunca daripada proses dan prosedur dalaman jabatan yang melibatkan pelbagai peringkat seperti perancangan, rekabentuk, pemasangan, penguatkuasaan, penyenggaraan dan latihan. Manakala kurangnya kerjasama antara pelbagai agensi turut menyumbang kepada isu dan masalah papan tanda terutama dari aspek piawaian dan kesinambungan.

**Tindakan Penambahbaikan Sistem Papan Tanda**

**a. Mengadakan 'roadshow' penerangan sistem papan tanda jalan kepada JKR Negeri**

CSFJ berpandangan bahawa sebahagian daripada isu dan masalah yang dihadapi mengenai papan tanda jalan adalah berpunca daripada kurangnya kefahaman tentang sistem papan tanda jalan itu sendiri. Bagi meningkatkan kefahaman kakitangan Jabatan Kerja Raya terhadap sistem papan tanda jalan, CSFJ telah mengadakan 'roadshow' ke semua JKR negeri antara bulan Disember 2007 hingga Mac 2008. Menerusi 'roadshow' tersebut, CSFJ telah juga berpeluang mendapat maklumbalas daripada JKR negeri berkaitan kekurangan sistem papan tanda sedia ada, tahap pengetahuan kakitangan, dan keperluan-keperluan lain seperti latihan dan peruntukan.

Antara maklumbalas JKR Negeri adalah:

- Kaji semula senarai nama bandar dalam AT kerana bilangan bandar telah bertambah dan kepentingan bandar-bandar ini juga telah berubah.
- Kaji semula kombinasi warna paparan papan tanda kerana sebahagian kombinasi tidak begitu jelas.
- Wujudkan piawai untuk paparan papan "tanda gantry" kerana papan tanda jenis ini semakin banyak digunakan terutamanya di bandar-bandar.
- Besarkan saiz logo nombor laluan kerana saiz sediada agak kecil untuk memuatkan nombor laluan yang melibatkan melibatkan 4 hingga 5 huruf/angka.
- Adakan kod pemasangan pada setiap papan tanda termasuk kedudukan, tarikh pemasangan, tempoh jaminan dan sebagainya.
- Perkemaskan polisi untuk memapar nama Jabatan Kerajaan pada papan tanda JKR.
- Beri latihan berterusan kepada kakitangan JKR Negeri tentang papan tanda.

Gambar-gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada isu dan masalah yang berkaitan dengan papan tanda jalan.


Terlindung


Rosak


Pudar



Mengelirukan


Terlalu banyak destinasi


Font dan paparan tidak piawai

Sesi penerangan sistem papan tanda ini mencapai ke kemuncaknya dengan majlis pelancaran yang disempurnakan oleh Y. Bhg Dato' Sri Prof. Ir. Dr. Judin bin Abdul Karim pada 17 Mac 2008. Majlis ini dihadiri oleh Pengarah-Pengarah dan wakil-wakil JKR Negeri, badan-badan bukan kerajaan, jabatan kerajaan yang berkaitan dan ahli-ahli Majlis Bersama Jabatan. Majlis pelancaran ini memberi isyarat bahawa Jabatan Kerja Raya adalah amat serius dalam menangani masalah berkaitan papan tanda jalan.

Berlanjutan daripada sesi penerangan tersebut, CSFJ telah mengambil tindakan segera seperti berikut:

- Meminta semua JKR negeri untuk mengumpul inventori papan tanda pada setiap laluan di daerah masing-masing. Sebagai permulaan JKR Daerah diminta untuk mengumpul inventori bagi laluan-laluan tertentu sahaja. Pengumpulan inventori ini akan dijadikan asas kepada keperluan penambahbaikan papan tanda pada masa akan datang.
- Memajukan semua maklumbalas yang diterima daripada JKR Negeri berkaitan rekabentuk papan tanda jalan ke Unit Keselamatan Jalan, Cawangan Kejuruteraan Jalan dan Geoteknik untuk tindakan selanjutnya.
- Menyediakan modul latihan untuk kumpulan sasar di JKR Negeri bagi melatih Expert Group di peringkat negeri dan daerah. Expert Group ini akan bertanggungjawab dan menjadi tumpuan rujukan ke atas aspek-aspek pengurusan papan tanda di JKR Negeri/Daerah.

CSFJ juga sedang menyiapkan buku panduan ringkas tentang isi penting sistem papan tanda jalan untuk digunakan oleh semua JKR Negeri.

**b. Mengadakan penerangan sistem papan tanda jalan kepada majlis tempatan**

Majlis Tempatan menggunakan Arahan Teknik JKR sebagai panduan dalam melaksana pemasangan papan tanda di kawasan mereka. Oleh kerana situasi dan keperluan dalam kawasan Majlis Tempatan agak berbeza daripada keperluan di Jalan Persekutuan atau Jalan Negeri, pihak berkuasa tempatan tidak mengikuti panduan Arahan Teknik sepenuhnya. Keadaan ini menimbulkan kekeliruan di kalangan pengguna jalan raya kerana prinsip papan tanda yang konsisten tidak diamalkan oleh dua pihak berkuasa yang berlainan. Tambah memburukkan lagi keadaan, dua majlis tempatan yang berbeza akan menggunakan sistem papan tanda yang berbeza.

CSFJ telah mendapat kerjasama yang baik daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan telah mengadakan pembentangan kertas kerja mengenai isu dan masalah papan tanda kepada semua wakil-wakil kerajaan tempatan pada 20 September 2007. Seterusnya, CSFJ telah membentangkan isu papan tanda dalam Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-59 yang diadakan pada 2 Oktober 2007. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Najib bin Abdul Razak. Pada mesyuarat tersebut, CSFJ telah mencadangkan penggunaan nombor laluan di laluan-laluan utama dalam kawasan majlis tempatan. Rasional cadangan ini adalah bagi memudahkan pengguna jalan raya mengenalpasti pihak yang mentadbir sesuatu laluan tersebut.

Berlanjutan daripada itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyediakan penggunaan kod kawasan majlis di samping nombor laluan bagi setiap laluan utama di kawasan majlis. Contoh penggunaan kod kawasan dan nombor laluan dalam kawasan majlis adalah seperti di Jadual 3;

| Kawasan | Kod Kawasan | Contoh No. Laluan |
|---|---|---|
| Majlis Bandaraya Shah Alam | BS | BS7 |
| Majlis Bandaraya Petaling Jaya | BP | BP2 |

**Jadual 3: Contoh no.laluan di kawasan bandaran**

CSFJ akan melaksanakan projek perintis di Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya tidak lama lagi dengan memperkenalkan kod kawasan, nombor laluan, nama laluan dan sebagainya pada laluan utama terpilih dalam kawasan pihak berkuasa berkenaan.

**c. Memperkenal rekabentuk baru papan tanda**

Arahan Teknik berkaitan papan tanda jalan kini telah berusia lebih 20 tahun. Dalam tempoh tersebut, berbagai perubahan dan kemajuan telah dicapai baik dari sudut teknologi kenderaan, rekabentuk jalan dan sistem papan tanda jalan. Sebagai contoh, lebih banyak bandar utama telah dibangunkan, banyak jalan 'single carriageway' telah bertukar menjadi 'dual carriageway', kelajuan kereta bertambah, teknologi sheeting lebih memantul cahaya dan sebagainya. Sehubungan itu, sebahagian daripada piawai papan tanda sediada perlu dinilai semula agar terus relevan dan setaraf dengan amalan antarabangsa. Sebagai contoh, terdapat saiz huruf dan nombor laluan pada papan tanda sediada agak kecil dan kini patut dibesarkan lagi sesuai dengan peningkatan kelajuan kenderaan.

Salah satu sistem papan tanda jalan yang tidak diamalkan untuk Jalan Persekutuan dan Negeri tetapi biasa diamalkan di negara maju adalah penggunaan nama jalan, nama dan nombor susur keluar (exit number).

CSFJ telah meneliti amalan sistem ini di beberapa negara maju seperti Amerika Syarikat, Great Britain, Australia, Kanada, China dan Perancis. Yakin bahawa pemaparan nama jalan, nama dan nombor susur keluar akan dapat memberi panduan yang lebih efektif kepada pengguna jalan raya, CSFJ telah memperkenal papan tanda yang memaparkan nama laluan, nama dan nombor susur keluar di sepanjang Laluan 2 antara Pelabuhan Kelang, Selangor dan Pelabuhan Kuantan, Pahang (tidak termasuk Lebuhraya Karak dan laluan bertol antara Bandar Klang dan Subang Jaya). Pemaparan nama dan nombor susur keluar juga diamalkan oleh syarikat konsesi lebuhraya di Malaysia.

CSFJ juga mendapati nombor laluan digunapakai secara meluas dan menjadi salah satu panduan utama ketika membuat perjalanan di luar negara. Bagi menggalakkan pengguna jalan raya di Malaysia menggunakan nombor laluan sebagai panduan utama mereka, rekabentuk baru papan tanda telah diperkenalkan yang antara lain mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

- Logo dan nombor laluan yang lebih besar berbanding saiz huruf destinasi.
- Warna latar logo nombor laluan dari bahan 'flourescent yellow'.

Di samping itu, rekabentuk papan tanda destinasi (contoh: SIMPANG KE ...... 500 m) ditukar menggunakan paparan jenis peta.

Contoh rekabentuk baru papan tanda adalah seperti di Rajah 1 dan Rajah 2.




Rajah 1: Contoh papan tanda jarak menggunakan nama laluan dan nombor laluan lebih besar




Rajah 2: Contoh papan tanda destinasi yang menggunakan sistem peta

Rekabentuk terkini ini akan dilaksanakan dalam pemasangan papan tanda di Laluan SKVE (E26) dan FT 29 di sekitar Putrajaya tidak lama lagi.

**d. Memperjelas peranan dan tanggungjawab**

Sesungguhnya, penyediaan sistem papan tanda yang berkesan melibatkan pelbagai pihak dan bermula daripada peringkat perancangan sesuatu projek dan diperkukuh lagi dalam peringkat rekabentuk, pemasangan dan penyenggaraan. Dalam kes-kes tertentu, pandangan agensi lain perlu diperoleh dalam menentukan maklumat yang perlu dipaparkan untuk agensi berkenaan. Menyedari hakikat terdapatnya jurang kefahaman banyak pihak tentang peranan mereka dalam memastikan pemasangan papan tanda yang betul, CSFJ sedang menyediakan garispanduan proses kerja bagi menjelaskan peranan dan tanggungjawab perekabentuk, pasukan projek dan jurutera daerah dalam sesuatu projek pemasangan papan tanda.

# Papan Tanda Jalan

Contoh proses kerja yang dicadangkan bagi sesuatu projek konvensional adalah seperti di Rajah 3.




**Rajah 3 : Proses pengesahan bagi projek yang melibatkan lebih dari satu daerah**

Dengan penyediaan proses kerja yang menjelaskan peranan dan tanggungjawab setiap pihak dalam setiap peringkat perancangan, rekabentuk, pemasangan dan penyenggaraan, adalah diharapkan sistem papan tanda yang dihasilkan adalah efektif dan dapat meningkatkan tahap keselamatan pengguna jalan raya.

### e. Memperbaiki pengurusan aduan/maklumbalas pengguna jalan raya

Orang awam terutamanya pengguna jalan raya juga perlu memahami konsep atau 'philosophy' sistem papan tanda jalan di Malaysia. Berdasarkan satu kajian pendapat umum yang dilaksana oleh CSFJ pada tahun 2007, sebahagian besar pengguna jalan raya tidak faham sepenuhnya konsep atau 'philosophy' sistem papan tanda di Malaysia. Sebagai contoh, sebahagian besar pengguna jalan raya tidak faham maksud nombor laluan yang dipaparkan pada papan tanda dan tidak berpandukan kepada nombor tersebut untuk membuat perjalanan. Sebahagian yang lain pula tidak menyedari bahawa setiap simpang patut mempunyai set papan tanda yang lengkap (destinasi, arah dan jarak). Menyedari hakikat ini dan menghargai peranan maklum balas pengguna jalan raya dalam memperkemaskan lagi sistem pengurusan rangkaian jalan raya, CSFJ telah mengedarkan brosur penerangan berkenaan sistem papan tanda jalan di Malaysia ke seluruh negara pada musim perayaan Hari Raya Aidilfitri (2007) dan musim perayaan Tahun Baru Cina (2008).

CSFJ juga berpandangan bahawa orang ramai, badan-badan bukan kerajaan dan lain-lain agensi kerajaan perlu mempunyai platform yang tersedia bagi menyumbang pandangan mereka terhadap sistem papan tanda di Malaysia. Antara kaedah yang boleh diketengahkan ialah penubuhan Focus Group yang dianggotai oleh wakil-wakil jabatan kerajaan berkaitan, orang awam, badan-badan bukan kerajaan dan Jabatan Kerja Raya sendiri. Antara tujuan Focus Group ditubuhkan adalah;

- Memudahcara proses maklumbalas aspek-aspek berkaitan keselamatan jalan raya dan sistem papan tanda.
- Memperkukuh nilai kesegeraan dalam melaksanakan isu berkaitan keselamatan jalan raya dan sistem papan tanda.
- Mengatasi isu birokrasi dengan mewujudkan kerjasama yang proaktif antara sektor awam, swasta dan pertubuhan NGO's untuk menambahbaik persekitaran jalan yang selamat dan sistem papan tanda yang lebih berkesan.
- Memudahcara proses penyampaian maklumat yang ingin disampaikan oleh Jabatan.

Ketika ini, CSFJ sedang menyediakan kertas konsep cadangan penubuhan Focus Group tersebut untuk kelulusan pengurusan atasan.

CSFJ juga telah membangunkan sistem aduan menerusi SMS pada tahun 2006 sebagai saluran tambahan untuk orang awam membuat aduan/memberi maklumbalas. CSFJ sentiasa memantau dan mengambil tindakan sewajarnya ke atas aduan-aduan papan tanda yang diterima melalui email *aduan@jkr.gov.my*, sistem SMS DAPAT (32728), hotline 1-800-88-5004, surat dan media cetak.

### f. Meningkat kualiti papan tanda

Masalah kecurian papan tanda adalah satu perkara yang serius sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Penggunaan Aluminium dan Galvanised Iron sebagai backing plate adalah punca utama kecurian papan tanda kerana bahan berkenaan mempunyai nilai jual semula. Sejak 2006, CSFJ telah menetapkan penggunaan bahan tiada nilai jual semula iaitu Aluminium Composite sebagai 'packing plate' papan tanda dan langkah ini telah dapat mengurangkan masalah kecurian.

Penggunaan bahan permukaan papan tanda (sheeting) yang berkualiti juga adalah amat penting agar maklumat yang dipapar dapat dilihat dengan jelas oleh pengguna jalan raya terutamanya di waktu malam. Sejak 2005, sheeting jenis Engineering Grade tidak lagi digunakan kerana kualiti pantulan cahayanya yang kurang memuaskan. CSFJ juga telah menetapkan bahawa semua kerja papan tanda menggunakan sheeting gred High Intensity Prismatic (HIP) atau yang lebih tinggi bagi meningkatkan mutu pantulan cahaya.

## Kesimpulan

Sesungguhnya, satu pendekatan yang holistik perlu dilakukan bagi menambahbaik sistem papan tanda jalan di Malaysia. Di peringkat Jabatan, semua pihak yang terlibat dengan pelaksanaan papan tanda perlu jelas tentang peranan dan tanggungjawab mereka dalam setiap peringkat iaitu perancangan, rekabentuk, pemasangan dan penyenggaraan. Proses pembelajaran yang berterusan perlu diperkukuhkan lagi agar kemahiran tentang sistem papan tanda jalan berakar umbi sehingga ke peringkat daerah. Kaedah yang efektif untuk meningkatkan pengetahuan orang awam tentang sistem papan tanda jalan patut diperluaskan agar Jabatan memperoleh maklumbalas yang berkualiti daripada mereka. Pada masa yang sama, kandungan Arahan Teknik perlu dinaiktaraf agar setanding dengan amalan antarabangsa. Satu mekanisma komunikasi yang efektif dan proaktif antara pelbagai agensi kerajaan, bukan kerajaan dan orang awam juga perlu diwujudkan agar dapat memudahcara proses maklumbalas dan memperkukuh nilai kesegeraan pelaksanaan sesuatu isu papan tanda. Seterusnya, kerjasama erat perlu dijalin antara semua 'stakeholders' agar dapat menjana sistem papan tanda jalan yang harmoni dan bersepadu di Malaysia.

# Penyerahan Projek Jalan

oleh Unit Polisi & Pewartaan




## Garis Panduan Penyerahan & Pos-Penyerahan Projek Jalan

### Tujuan

Tujuan garis panduan ini adalah untuk menerangkan prosedur kerja, bidang tugas serta peranan setiap pihak dalam memastikan penyerahan dan penyenggaraan semasa tempoh tanggungan kecacatan setiap jalan yang siap dibina menepati kehendak Pelanggan.

### Skop

Garis panduan ini diguna pakai pada keseluruhan atau sebahagian dari projek jalan yang akan diserahkan kepada Pelanggan.

Garis panduan ini bukanlah sebahagian dari dokumen SPK JKR MS ISO 9001 : 2000 yang digunakan dalam amalan pengurusan kualiti JKR tetapi hendaklah digunakan secara bersama bagi memastikan penyerahan dan penyenggaraan semasa tempoh tanggungan kecacatan dilaksanakan dengan telus.

### Definisi

**Pelanggan**
Pelanggan dalam konteks projek jalan adalah Cawangan Senggara Fasiliti Jalan yang akan menerima tanggungjawab penyenggaraan jalan tersebut sepanjang peringkat perkhidmatan jalan tersebut.

**Produk**
Produk ialah hasil dari perkhidmatan yang diberi termasuk hasil di peringkat pemprosesan seperti lukisan, rekabentuk, dokumen tender, kontrak, komponen-komponen produk siap semasa pembinaan dan produk akhir.

**Penyerahan**
Penyerahan ialah aktiviti memindah kuasa tanggungjawab atau pemilikan sesuatu produk siap kepada Pelanggan.

**Pra-Penyerahan**
Pra-Penyerahan ialah aktiviti yang dilakukan sebelum pemindahan kuasa tanggungjawab atau pemilikan sesuatu produk siap kepada Pelanggan.

**Pos-Penyerahan**
Pos-Penyerahan ialah aktiviti yang dilakukan selepas pemindahan kuasa tanggungjawab atau pemilikan sesuatu produk siap kepada Pelanggan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan.

**Tempoh Tanggungan Kecacatan (TTK)**
Tempoh Tanggungan Kecacatan adalah tempoh tanggungjawab kontraktor menyenggara atau membaiki kecacatan/kerosakan produk selepas pembinaan seperti yang ditetapkan dalam kontrak.

**Laporan Kecacatan/Kerosakan**
Laporan kecacatan/kerosakan adalah aduan/maklumbalas penemuan kecacatan/kerosakan produk semasa/selepas penyenggaraan oleh WPP/WPD/PTB atau wakil Pelanggan.

# Penyerahan Jalan

## Singkatan

*PB* - Pengarah Berkenaan yang terdiri dari Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR Malaysia atau Pengarah JKR Negeri/JKR Wilayah Persekutuan/JKR Pembangunan Persekutuan/Unit Khas JKR.

*HOPT* - Ketua Pasukan Projek (Head of Project Team) sebagai Pegawai yang dilantik oleh PB untuk mengetuai pasukan pelaksana sesuatu projek.

*PD* - Pengarah Projek (Project Director) sebagai pegawai yang diberi kuasa untuk menyelia projek mengikut definisi kontrak.

*WPD* - Wakil Pengarah Projek mengikut definisi kontrak.

*PP* - Pegawai Penguasa mengikut definisi kontrak.

*WPP* - Wakil Pegawai Penguasa mengikut definisi kontrak.

*PTB* - Penyelia Tapak Bina yang dilantik oleh PP/WPP/PD/WPD. Unit Projek Khas (UPK) merupakan PTB dari Cawangan Jalan, Ibu Pejabat JKR Malaysia.

*CSFJ* - Cawangan Senggara Fasiliti Jalan yang merupakan Pelanggan dalam konteks projek jalan.

*UPPJ* - Unit Pengurusan dan Penyenggaraan Jalan, CSFJ yang melaksanakan pengurusan dan pemantauan penyenggaraan Jalan Persekutuan di Zon Utara, Tengah/Timur atau Selatan.

*JD* - Jurutera Daerah yang terlibat dengan jajaran projek.

*TTK* - Tempoh Tanggungan Kecacatan.

## Proses Kerja & Tanggungjawab

**Peringkat Pembinaan**

Pemeriksaan pra-penyerahan bersama Pelanggan dilaksanakan sebelum projek siap secara praktikal. Hasil dari pemeriksaan bersama ini, WPP/WPD/PTB adalah bertanggungjawab menyediakan Laporan Kecacatan/ Kerosakan dan disahkan oleh wakil Pelanggan.

Proses penyerahan akan dilaksanakan setelah wakil Pelanggan bersetuju menerima produk akhir dengan syarat kecacatan /kerosakan yang dialami adalah dalam had yang boleh diterima dan pihak kontraktor bertanggungjawab membaiki kecacatan /kerosakan tersebut.

Jadual 5.1: Perwakilan kuasa Pelanggan semasa pemeriksaan pra-penyerahan.

| JENIS PROJEK | PENYELIA TAPAK BINA | PERWAKILAN KUASA |
|---|---|---|
| Reka & Bina (D&B) | Kontraktor (Perunding) | JD, UPPJ |
| Konvensional | JD | UPPJ |
| | UPK | JD, UPPJ |
| *Lain-lain | Pihak Ketiga | JD, UPPJ |

**Jalan Bandaran/Jalan Negeri/Lebuhraya yang melibatkan penyerahan sebahagian projek*



**Peringkat Tempoh Tanggungan Kecacatan**

Tempoh Tanggungan Kecacatan (TTK) adalah tempoh tanggungjawab kontraktor menyenggara atau membaiki kecacatan/kerosakan produk selepas pembinaan seperti yang ditetapkan dalam kontrak.

Peringkat TTK ini bermula setelah tarikh siap sebenar projek ditentukan.

Semasa peringkat TTK ini, pihak kontraktor dikehendaki membaiki semua kecacatan/kerosakan seperti yang diarahkan oleh WPP/WPD/PTB mengikut obligasi kontrak. Sekiranya WPP/WPD/PTB telah dibubarkan/dipindahkan, Pelanggan atau wakilnya akan memastikan kecacatan/kerosakan dibaiki.

Proses kerja-kerja pembaikan pos-penyerahan adalah seperti ditunjukkan dalam Proses A. Pemantauan kerja-kerja pembaikan pos-penyerahan merupakan tanggungjawab atau bidang kuasa WPP/WPD/PTB yang boleh dilaksanakan oleh WPP/WPD/PTB/CSFJ.

Proses kerja-kerja penyenggaraan pos-penyerahan yang ditetapkan dalam kontrak adalah seperti ditunjukkan dalam Proses B. Pemantauan kerja-kerja penyenggaraan pos-penyerahan merupakan tanggungjawab atau bidang kuasa WPP/WPD/PTB yang boleh dilaksanakan oleh WPP / WPD / PTB/CSFJ.

Perwakilan kuasa memantau dalam Proses A dan Proses B ini hanya boleh dilaksanakan jika WPP/WPD/PTB telah dibubarkan/dipindahkan dari projek tersebut.

Bagi projek-projek yang tiada peruntukan item penyenggaraan pos-penyerahan dalam kontrak, kerja-kerja penyenggaraan merupakan tanggungjawab atau bidang kuasa Cawangan Senggara Fasiliti Jalan sepenuhnya.

Bagi projek-projek yang ada peruntukan item penyenggaraan pos penyerahan dalam kontrak, kerja-kerja penyenggaraan di luar skop kontrak merupakan tanggungjawab atau bidang kuasa CSFJ sepenuhnya juga.

Aktiviti-aktiviti lain semasa peringkat TTK seperti Audit Keselamatan Jalan Peringkat 5 (jika perlu), penilaian rekabentuk produk akhir (jika perlu) dan pelaksanaan perubahan mengikut kesesuaian (jika perlu) boleh dilaksanakan atas maklum WPP/WPD/PTB.

Prosedur akhir penyerahan kepada Pelanggan dibuat setelah tamat TTK dan Sijil Siap Baiki Kecacatan dikeluarkan oleh PP/PD/WPP/WPD. PP/PD/WPP/WPD perlu memaklumkan HOPT tentang tamatnya kontrak.

**Peringkat Perkhidmatan**

Peringkat perkhidmatan bermula selepas tamat TTK dan jalan tersebut ditadbir sepenuhnya oleh Pelanggan.

Pada peringkat ini, penyenggaraan jalan tersebut menjadi tanggungjawab JKR Daerah terlibat.

CSFJ akan menyerahkan penyenggaraan jalan kepada syarikat konsesi penswastaan penyenggaraan Jalan Persekutuan zon terlibat pada 1 Januari atau 1 Julai setiap tahun.

## Dokumentasi

CSFJ akan menyerahkan penyenggaraan jalan kepada syarikat konsesi penswastaan penyenggaraan Jalan Persekutuan zon terlibat pada 1 Januari atau 1 Julai setiap tahun.

WPP/WPD/PTB perlu menyediakan Sijil Jaminan Produk (jika ada), Manual Operasi & Penyenggaraan (OMM), Laporan Penyenggaraan (jika disyaratkan dalam kontrak), Lukisan Siap Bina (lima (5) set bersaiz A3 dan satu (1) set bersaiz A1 serta softcopy) dan Laporan/Maklumat Inventori pada peringkat TTK untuk rujukan Pelanggan.



















# Penyerahan Jalan

[Borang JKR.PK(O).05-1] LAMPIRAN 1

**SENARAI SEMAKAN PRA PENYERAHAN**

*(Untuk diisi semasa lawatan pra penyerahan selepas Perakuan Siap Kerja dikeluarkan)*

Nama Projek :

.............................................................................................................

.............................................................................................................

| | Pematuhan | | |
|---|---|---|---|
| | **Ya** | **Tidak** | **TB** |
| 1. Surat Makluman Penyerahan kepada Pelanggan | | | |
| 2. Perakuan Siap Kerja | | | |
| 3. Pelan Rekabentuk/Pembinaan (2 set bersaiz A3) | | | |
| 4. Laporan Audit Keselamatan Jalan Peringkat 4 (RSA Stage 4) | | | |
| 5. Pemeriksaan Produk Kerja-Kerja Awam | | | |
| • Tambakan dan Cerun | | | |
| • Saliran | | | |
| • Pavemen | | | |
| • Struktur (Jambatan/Jejantas) | | | |
| • Perabot Jalan (Penanda Jalan) | | | |
| • Perabot Jalan (Papan Tanda) | | | |
| • Perabot Jalan (Rel Adang) | | | |
| • Tanaman Litup Bumi | | | |
| 6. Pemeriksaan Produk Kerja-Kerja Arkitek | | | |
| • Hentian Bas | | | |
| • Pondok/Gazebo/Kawasan Rehat | | | |
| • Landskap | | | |
| • Dekorasi Struktur | | | |
| 7. Pemeriksaan Produk Kerja-Kerja Elektrik | | | |
| • Lampu Jalan | | | |
| • Lampu Isyarat | | | |
| • Pencawang Elektrik/Feeder Pillar | | | |
| • Utiliti | | | |
| 8. Pemeriksaan Produk Kerja-Kerja Mekanikal | | | |
| • Kipas/Peniup (Blower) | | | |
| • Pam | | | |
| • Utiliti | | | |

**Nota : TB - Tidak Berkaitan*

**Laporan Hasil Lawatan :**

.............................................................................................................

.............................................................................................................

.............................................................................................................

.................................... ....................................

WPP/WPD/PTB Tarikh

**Ulasan Pelanggan :**

☐ Terima ☐ Terima dengan syarat ☐ Tidak Terima

.............................................................................................................

.............................................................................................................

.............................................................................................................

.................................... ....................................

Wakil Pelanggan Tarikh

[Borang JKR.PK(O).05-2] LAMPIRAN 2

**SENARAI SEMAKAN PENYERAHAN**

*(Untuk disediakan selepas Tempoh Tanggungan Kecacatan)*

Nama Projek :

.............................................................................................................

.............................................................................................................

Tarikh Penyerahan :

.............................................................................................................

| | Pematuhan | | |
|---|---|---|---|
| | **Ya** | **Tidak** | **TB** |
| 1. Surat Makluman Kepada Pihak Berkenaan | | | |
| 2. Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan | | | |
| 3. Penyediaan Dokumen Penyerahan | | | |
| • Pelan Lokasi | | | |
| • Pelan Had Laluan (ROW) | | | |
| 4. Pelan (1 set bersaiz A1, 2 set bersaiz A3, softcopy) | | | |
| • Pelan Lokasi | | | |
| • Pelan Had Laluan (ROW) | | | |
| • Pelan Had Penyenggaraan | | | |
| • Pelan Siap Bina (As Built) | | | |
| • Pelan Pembinaan | | | |
| • Pelan Cadangan Pembangunan Masa Hadapan | | | |
| 5. Sijil Jaminan | | | |
| • Sijil Jaminan Kerja Awam | | | |
| • Sijil Jaminan Kerja Arkitek | | | |
| • Sijil Jaminan Kerja Elektrik | | | |
| • Sijil Jaminan Kerja Mekanikal | | | |
| 6. Manual Operasi & Penyelenggaraan (OMM) | | | |
| 7. Laporan Audit Keselamatan Jalan Peringkat 5 (RSA Stage 5) | | | |
| 8. Maklumat Inventorisasi | | | |
